

## Lawatan sambil belajar proses pembuatan kain tenunan

Oleh Syahmi Hassan

**BANDAR SERI BEGAWAN, 28 OKT** - Seramai 53 ahli pemimpin muda Pandu Puteri Universiti Islam Sultan Sharif

Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan, di ibu



Ahli Pandu Puteri UNISSA semasa mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.



negara, baru-baru ini.

Rombongan diketuai oleh Dr Syahirah binti Haji Shahlehi selaku penyelaras Pandu Puteri UNISSA bersama tiga pegawai Jawatankuasa Tadbir Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Kedatangan rombongan di-



Ahli Pandu Puteri UNISSA mencuba sendiri proses pembuatan kain batik semasa lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

alu-alukan oleh Pegawai Perhubungan, Hajah Zurina binti Abdullah dan pegawai serta kakitangan Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Pusat Latihan Kesenian.

Acara bermula dengan sesi taklimat mengenai sejarah pusat tersebut sebelum ahli-ahli pandu puteri melihat lebih dekat alat-alat serta mengikuti

proses pembuatan kain tenunan.

Lawatan itu memberi peluang untuk lebih memahami sejarah dan produk kain-kain tenunan Brunei yang dipamerkan di tujuh galeri pameran seperti Galeri Pameran Tenunan, Galeri Songkok, Galeri Batik, Galeri Perak, Galeri Anyaman, Galeri Tembaga dan Galeri Seni Ukir.